



## KENYATAAN MEDIA JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI PAHANG

1. Berdasarkan amaran terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia pada 18 Disember 2021 jam 5.00 petang, amaran bencana bagi Negeri Pahang adalah seperti berikut:

Bil.	Amaran	Daerah
1.	Bahaya – Hujan sangat lebat berterusan dijangka berlaku sehingga 18 Disember 2021	i. Kuantan ii. Jerantut
2.	Buruk - Hujan lebat berterusan dijangka berlaku sehingga 19 Disember 2021	i. Tanah Tinggi Cameron Highlands ii. Lipis iii. Raub iv. Bentong v. Temerloh vi. Maran dan vii. Pekan
3.	Waspada – Hujan bertersuan dijangka berlaku sehingga 19 Disember 2021	i. Bera; dan ii. Rompin

2. Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) negeri telah diaktifkan bagi tujuan menyelaras pengurusan bencana di Negeri Pahang.
3. Sehingga jam 8.00 malam, sebanyak 5 daerah telah dilanda banjir iaitu Lipis, Jerantut, Raub, Maran dan Kuantan dengan 72 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka yang melibatkan 928 keluarga telah dipindahkan.
4. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Pahang telah mengambil keputusan melaksanakan perkara berikut secara **SERTA -MERTA** untuk memastikan keselamatan orang awam:

- i. Pelancong dinasihatkan untuk keluar dari Taman Negara, Kuala Tahan dan Mukim Hulu Tembeling;
  - ii. Tiada pelancong dibenarkan untuk masuk ke Taman Negara, Kuala Tahan;
  - iii. Kenderaan ringan dinasihatkan supaya tidak menggunakan jalan dari Kuala Tahan ke Mukim Hulu Tembeling; dan
  - iv. Larangan sepenuhnya penggunaan jalan Kuala Tahan ke Mukim Hulu Tembeling bagi kenderaan berat.
5. Selain itu, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang giat untuk memulihkan gangguan bekalan elektrik di 14 kawasan yang terjejas iaitu Bandar Sungai Lembing, Jeram Takar, Kolong Pahat, Sungai Rimau, Terowong Sungai Lembing, Metra Admiral, Kampung Melayu, Pam Air Kuala Kenau, Sungai Mas, Kuala Kenau, Loji Penapis Air, Kilang Papan Wan Abdullah, Kolek dan Soon Seng.
6. JBPN dan semua Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah, Pihak Berkuasa Keselamatan dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa bersedia melaksanakan tindakan – tindakan segera dalam menangani kejadian banjir, banjir kilat, tanah runtuh, ribut, dan lain-lain sepanjang tempoh Monsun Timur Laut.
7. Sementara itu, semua pihak diminta untuk sentiasa mematuhi arahan daripada pihak berkuasa dan mendapatkan maklumat rasmi dan sahih daripada facebook rasmi Kerajaan Negeri Pahang.

Sekian, terima kasih.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA  
NEGERI PAHANG  
18 Disember 2021  
8.00 malam**